

"Justeru, sumbangan yang diberikan ini adalah platform untuk melatih usahawan dari kalangan mahasiswa yang mana dana tersebut akan dipantau serta diuruskan sendiri oleh wakil dari BSN," katanya.

Dalam majlis itu juga, UUM turut menamakan sebuah kolej kediaman pelajar iaitu Dewan Penginapan Pelajar (DPP) kepada nama institusi perbankan tersebut untuk 'mendekatkan' lagi institusi tersebut di kalangan pelajar.

Ia adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilakukan BSN untuk menjaga kebajikan seramai 702 pelajar yang mendiami DPP tersebut yang merangkumi pelbagai aspek. DPP BSN sebelum ini dikenali sebagai DPP Perwaja.

Selaras dengan motto Universiti Pengurusan Terkemuka di negara ini, UUM sedang berusaha untuk menarik sekurang-kurangnya 8,000 hingga 10,000 pelajar asing untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti terbabit.

Tambah Mustafa, biarpun lokasi UUM yang jauh dari ibu kota, namun UUM mencatatkan jumlah pelajar luar negara yang kedua tertinggi menuntut di universiti terbabit yang ketika ini berjumlah 3,000 orang.

"Biarpun ia satu jumlah yang agak besar namun saya yakin yang kita akan mampu menarik minat pelajar asing menuntut di UUM kerana kita sedang berusaha untuk merealisasikan sasaran tersebut bermula sekarang.

"Ia juga selaras dengan dasar pendidikan negara yang ingin menjadikan Malaysia hub pendidikan tinggi di rantau Asia Tenggara menjelang 2015," katanya.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my